

AMALAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH  
KEBANGSAAN DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA  
DAERAH PASIR GUDANG

TAN SEE CHING

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

**DEDIKASI**

Khas buat ibu Ng Chai Hong yang dikasihi

Buat suami tercinta,  
Victor Wong Siew Leong  
Thank you for your love, toleration and patience

Buat cahaya mataku,  
Shawn Wong dan Jason Wong  
Thank you for your unlimited support  
Both of you will be more excellent than me

Setinggi-tinggi penghargaan kepada:  
Prof. Madya Dr. M Al-Muz-zammil Bin Yasin  
Atas kesabaran, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar serta ilmu yang dicurahkan  
Saya mohon ampun dan maaf atas segala salah  
Tidak ada yang boleh saya berikan sebagai penghargaan selain ucapan jutaan  
terima kasih setinggi langit.

## PENGHARGAAN

Dengan izinNya Tuhanku kajian ini dapat disempurnakan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. M Al-Muz-Zammil B. Yasin, selaku penyelia saya, yang cukup sabar membimbing saya mengharungi segala cabaran yang saya hadapi dalam proses menyempurnakan projek saya ini sempena pandemik Covid-19. Sekalung penghargaan kepada semua pensyarah yang memberikan kuliah dan mencurahkan ilmu meningkatkan kemahiran berfikir saya, terutamanya Dr. Megat yang mengajar saya Statistik daripada asas hinggalah tahap yang tinggi, Dr. Hamdan Assih yang sudi berkongsi pengalaman yang berharga tentang selok-belok membuat kajian, serta Dr. Jamilah Ahmad, selaku penyelaras program ini, mencurahkan keprihatinan dan tunjuk ajar pada setiap saat yang diperlukan. Setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pentadbiran fakulti, ERAS, JPNJ, PPD Pasir Gudang, Guru Besar SK dan SJKC, Guru Penolong Kanan Kokurikulum SK dan SJKC, SU Kokurikulum, Penyelaras Unit Kokurikulum, Ketua dan Guru Penasihat Unit Kokurikulum yang terlibat dalam kajian ini atas segala kerjasama, sokongan dan dorongan yang amat besar ertinya kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Mudah-mudahan segala usaha dan bantuan yang telah diberikan oleh semua pihak, sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini akan mendapat anugerah yang sebaik-baiknya daripada Tuhan.

## ABSTRAK

Kajian kuantitatif ini meninjau amalan pengurusan kokurikulum, tahap pelaksanaan MMI kokurikulum dan tahap pencapaian kokurikulum murid di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Pasir Gudang, Johor. Sejumlah 351 guru pentadbir kokurikulum daripada sekolah-sekolah tersebut melibatkan diri dalam kajian ini. Data dianalisis melalui aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23. Dapatan kajian menunjukkan amalan pengurusan kokurikulum dan tahap pelaksanaan MMI kokurikulum berada di tahap yang baik (*min* 4.36 dan 3.49). Korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap MMI kokurikulum bersifat positif sederhana ( $r = .602, p < .05$ ). Sementara itu, tahap pencapaian kokurikulum murid berada di tahap yang sederhana (*min* 3.98). Korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dan tahap pencapaian kokurikulum murid juga bersifat positif tetapi kekuatan sangat lemah ( $r = .284, p < .05$ ). Akhirnya, terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengurusan kokurikulum di SK dan SJKC ( $t = 2.434, p < .05$ ). Diharapkan dapatan kajian dan cadangan lanjutan dapat membawa penambahbaikan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Kata Kunci: Pengurusan Kokurikulum; MMI Kokurikulum; Persepsi; Hubungan; Korelasi; Kajian; Penyelidikan; Sekolah Kebangsaan; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina; SK; SJKC

## ABSTRACT

This quantitative study examined the co-curricular management practices, the implementation of the co-curricular instructional time (MMI), and the students' achievement in co-curriculum activities in National Primary Schools (SK) and Chinese National Type Schools (SJKC) of Pasir Gudang district, Johor. A total of 351 co-curricular teachers from these schools had participated in the survey. The data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 23. The findings of the study showed that both the co-curricular management practices, and the implementation of the MMI were measured at good level (means of 4.36 and 3.49, respectively). The correlation between the co-curricular management practice, with the MMI implementation was positive and moderate ( $r = .602, p < .05$ ). Meanwhile, the students achievement in their co-curriculum activities was reported at a moderate level (mean 3.98). The results also showed that the correlation between the co-curricular management practices and the students' achievement in their co-curriculum activities was also positive but very weak ( $r = .284, p < .05$ ). Lastly, there was a significant difference between the level of co-curricular management practices between SK, and SJKC ( $t = 2.434, p < .05$ ). Hopefully, the findings of the study and the suggestions set forth will be able to guide the improvisation of the co-curriculum activities in those schools.

**Keywords:** The level of co-curricular management, level of co-curricular instructional time protection (MMI); Students' achievement; Relationship; Correlation; Survey; Research; National Primary Schools; Chinese National Type Schools; SK; SJKC

## KANDUNGAN

|              | PERKARA   | MUKA SURAT |
|--------------|---|------------|
|              | <b>PENGAKUAN</b>                                  | ii         |
|              | <b>DEDIKASI</b>                                   | iii        |
|              | <b>PENGHARGAAN</b>                                | iv         |
|              | <b>ABSTRAK</b>                                    | v          |
|              | <b>ABSTRACT</b>                                   | vi         |
|              | <b>KANDUNGAN</b>                                  | vii        |
|              | <b>SENARAI JADUAL</b>                             | xi         |
|              | <b>SENARAI RAJAH</b>                              | xiii       |
|              | <b>SENARAI SINGKATAN</b>                          | xiv        |
|              | <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                           | xv         |
| <br>         |   |            |
| <b>Bab 1</b> | <b>PENDAHULUAN</b>                                | <b>1</b>   |
| 1.1          | Pengenalan  | 1          |
| 1.2          | Latar Belakang Masalah                            | 5          |
|              | 1.2.1 Kelemahan Pengurusan Kokurikulum            | 5          |
|              | 1.2.2 Masa Instruksional Kokurikulum Tidak Dijaga | 8          |
|              | 1.2.3 Kelemahan Kajian Lepas                      | 11         |
| 1.3          | Pernyataan Masalah                                | 13         |
| 1.4          | Objektif Kajian                                   | 17         |
| 1.5          | Persoalan Kajian                                  | 18         |
| 1.6          | Hipotesis Kajian                                  | 18         |
| 1.7          | Kerangka Konseptual Kajian                        | 19         |
| 1.8          | Kerangka Teoritikal Kajian                        | 20         |
|              | 1.8.1 Teori Pengurusan Robbins dan Coulter (2012) | 20         |
|              | 1.8.2 Prinsip Pengurusan Kokurikulum KPM (2009)   | 22         |
|              | 1.8.3 Pelaksanaan MMI Kokurikulum                 | 24         |
| 1.9          | Kepentingan Kajian                                | 25         |

|              |   |           |
|--------------|---|-----------|
| 1.10         | Batasan Kajian  | 26        |
| 1.11         | Definisi Istilah dan Operasional  | 27        |
| 1.12         | Rumusan   | 30        |
| <b>Bab 2</b> | <b>KAJIAN LITERATUR</b>   | <b>31</b> |
| 2.1          | Pengenalan  | 31        |
| 2.2          | Ringkasan Perkembangan Kokurikulum di Malaysia                                  | 31        |
| 2.3          | Pengurusan Kokurikulum  | 33        |
| 2.3.1        | Konsep Pengurusan Kokurikulum   | 33        |
| 2.3.2        | Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan<br>Hubungannya dengan Pengurusan Kokurikulum | 34        |
| 2.3.3        | Barisan Pengurusan Kokurikulum  | 35        |
| 2.3.4        | Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum  | 38        |
| 2.3.5        | Permasalahan Pengurusan Kokurikulum   | 40        |
| 2.3.6        | Teori dan Prinsip Pengurusan Kokurikulum  | 44        |
| 2.3.6.1      | Perancangan   | 45        |
| 2.3.6.2      | Pengelolaan   | 46        |
| 2.3.6.3      | Kepimpinan  | 48        |
| 2.3.6.4      | Pengawalan  | 50        |
| 2.3.7        | Kepentingan Pengurusan Kokurikulum  | 51        |
| 2.3.8        | Kualiti Pengurusan Kokurikulum  | 51        |
| 2.4          | MMI Kokurikulum   | 54        |
| 2.5          | Masalah Pencapaian Kokurikulum Murid  | 58        |
| 2.6          | Jurang Perbezaan antara Kajian Ini dengan Kajian<br>Lepas                       | 60        |
| 2.7          | Rumusan   | 62        |
| <b>Bab 3</b> | <b>METODOLOGI</b>   | <b>63</b> |
| 3.1          | Pengenalan  | 63        |
| 3.2          | Reka Bentuk Kajian  | 63        |
| 3.3          | Kaedah Pengumpulan data   | 64        |
| 3.3.1        | Populasi dan Sampel Kajian  | 64        |

|              |   |            |
|--------------|---|------------|
| 3.3.2        | Persampelan Kajian  | 67         |
| 3.3.3        | Etika Pengumpulan Data  | 72         |
| 3.4          | Instrumen Kajian  | 73         |
| 3.5          | Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian  | 76         |
| 3.5.1        | Kesahan Soal Selidik  | 76         |
| 3.5.2        | Kebolehpercayaan Soal Selidik   | 77         |
| 3.6          | Kajian Rintis   | 77         |
| 3.7          | Analisis Data   | 80         |
| 3.8          | Interpretasi Pemingkatan Min Skor   | 81         |
| 3.9          | Penutup   | 82         |
| <b>Bab 4</b> | <b>Analisis Data dan Dapatan Kajian</b>   | <b>84</b>  |
| 4.1          | Pengenalan  | 84         |
| 4.2          | Analisis Profil Demografi Responden   | 84         |
| 4.3          | Amalan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah  | 86         |
| 4.3.1        | Tahap Perancangan Kokurikulum di Sekolah  | 87         |
| 4.3.2        | Tahap Pengelolaan Kokurikulum di Sekolah  | 90         |
| 4.3.3        | Tahap Kepimpinan Kokurikulum di Sekolah   | 92         |
| 4.3.4        | Tahap Pengawalan Kokurikulum di Sekolah   | 94         |
| 4.4          | Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum   | 96         |
| 4.5          | Korelasi Antara Amalan Pengurusan Kokurikulum dengan Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum  | 99         |
| 4.6          | Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid  | 100        |
| 4.7          | Korelasi Antara Amalan Pengurusan Kokurikulum dengan Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid | 101        |
| 4.8          | Perbezaan Amalan Pengurusan Kokurikulum di antara SK dan SJKC                           | 103        |
| 4.9          | Rumusan Dapatan   | 104        |
| 4.10         | Penutup   | 105        |
| <b>Bab 5</b> | <b>Perbincangan dan Cadangan</b>  | <b>107</b> |
| 5.1          | Pengenalan  | 107        |



|       |  |            |
|-------|--|------------|
| 5.2   | Perbincangan Dapatan Kajian  | 107        |
| 5.2.1 | Amalan Pengurusan Kokurikulum  | 108        |
| 5.2.2 | Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum  | 116        |
| 5.2.3 | Korelasi antara Amalan Pengurusan Kokurikulum<br>dengan Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum  | 118        |
| 5.2.4 | Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid   | 120        |
| 5.2.5 | Korelasi antara Amalan Pengurusan Kokurikulum<br>dengan Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid | 121        |
| 5.2.6 | Perbezaan Amalan Pengurusan Kokurikulum<br>di antara SK dan SJKC                           | 121        |
| 5.3   | Implikasi Kajian   | 122        |
| 5.4   | Batasan Kajian   | 124        |
| 5.5   | Cadangan Kajian Lanjutan   | 125        |
| 5.6   | Penutup  | 126        |
|       | <b>RUJUKAN</b>   | <b>127</b> |
|       | <b>LAMPIRAN</b>  | <b>135</b> |

## SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | PERKARA   | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| 2.1        | Perbezaan Definisi Empat Jenis Masa Pembelajaran  | 55         |
| 3.1        | Jumlah Populasi Kajian Mengikut Jenis Sekolah   | 65         |
| 3.2        | Perancangan Sampel bagi Pensampelan Rawak<br>Berstrata  | 67         |
| 3.3        | Pilihan Aplikasi Rawak  | 68         |
| 3.4        | Jadual Penentuan Sampel SJKC  | 69         |
| 3.5        | Jadual Penentuan Sampel SK  | 69         |
| 3.6        | Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Demografi<br>Responden   | 73         |
| 3.7        | Pembahagian Item Bahagian B, C dan D  | 74         |
| 3.8        | Pemeringkatan Skala Likert bagi Bahagian B  | 75         |
| 3.9        | Pemeringkatan Skala Likert bagi Bahagian C  | 75         |
| 3.10       | Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis Pertama   | 78         |
| 3.11       | Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis Kedua   | 79         |
| 3.12       | Pemeringkatan Amalan Pengurusan Kokurikulum<br>dan Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid Mengikut<br>Standard SKPMg2 | 81         |
| 3.13       | Pemeringkatan Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum<br>Mengikut Standard SKPMg2                                       | 82         |
| 4.1        | Profil Demografi Responden Kajian   | 85         |
| 4.2        | Rumusan Dapatan Tahap Pengurusan Kokurikulum<br>di Sekolah  | 87         |
| 4.3        | Tahap Perancangan Kokurikulum di Sekolah  | 88         |
| 4.4        | Tahap Pengelolaan Kokurikulum di Sekolah  | 90         |
| 4.5        | Tahap Kepimpinan Kokurikulum di Sekolah   | 92         |
| 4.6        | Tahap Pengawalan Kokurikulum di Sekolah   | 95         |
| 4.7        | Tahap MMI Kokurikulum   | 97         |
| 4.8        | Korelasi antara Amalan Pengurusan Kokurikulum   |            |

|      |   |     |
|------|---|-----|
|      | dengan Tahap Pelaksanaan MMI Kokurikulum  | 99  |
| 4.9  | Analisis Deskriptif Pencapaian Kokurikulum Murid  | 100 |
| 4.10 | Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid  | 101 |
| 4.11 | Korelasi antara Amalan Pengurusan Kokurikulum dengan Tahap Pencapaian Kokurikulum Murid | 102 |
| 4.12 | Keputusan Ujian-T untuk Sampel-sampel Bebas   | 103 |
| 4.13 | Rumusan Dapatan   | 104 |

**SENARAI RAJAH**

| <b>NO. RAJAH</b> | <b>PERKARA</b>                                  | <b>MUKA SURAT</b> |
|------------------|---|-------------------|
| 1.1              | Kerangka Konseptual Kajian                      | 20                |
| 2.1              | Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum Sekolah | 36                |

## SENARAI SINGKATAN

| <b>SINGKATAN</b> | <b>-</b> | <b>MAKNA</b>   |
|------------------|----------|--|
| Covid-19         | -        | Corona Virus Disease 2019                              |
| DBP              | -        | Dewan Bahasa dan Pustaka                               |
| EMIS             | -        | Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan                  |
| FPK              | -        | Falsafah Pendidikan Negara/Kebangsaan                  |
| GPK              | -        | Guru Penolong Kanan                                    |
| IAB              | -        | Institut Aminuddin Baki                                |
| JBPS             | -        | Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah                 |
| JPN              | -        | Jabatan Pendidikan Negeri                              |
| KPM              | -        | Kementerian Pendidikan Malaysia                        |
| LADAP            | -        | Latihan dalam Perkhidmatan                             |
| MMI              | -        | Melindungi Masa Instruksional                          |
| OECD             | -        | Organisation for Economic Co-operation and Development |
| PAJSK            | -        | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum    |
| PGB              | -        | Guru Besar dan Pengetua                                |
| PKKK             | -        | Penolong Kanan Kokurikulum                             |
| PKP              | -        | Perintah Kawalan Pergerakan                            |
| PPD              | -        | Pejabat Pendidikan Daerah                              |
| PPPM             | -        | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                  |
| SJKC             | -        | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina                          |
| SJKT             | -        | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil                         |
| SK               | -        | Sekolah Kebangsaan                                     |
| SKPMg2           | -        | Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2       |
| SOP              | -        | Standard Operasi Prosedur                              |
| SPI              | -        | Surat Pekeliling Ikhtisas                              |
| UPSR             | -        | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah                        |
| UTM              | -        | Universiti Teknologi Malaysia                          |

**SENARAI LAMPIRAN**

| <b>LAMPIRAN</b> | <b>PERKARA</b>  | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------|---|-------------------|
| A               | Soal Selidik Kajian   | 135               |
| B               | Surat Pengesahan Status Pelajar                                     | 140               |
| C               | Surat Pengumpulan Data  | 141               |
| D               | Surat Pemohonan untuk Menjalankan Penyelidikan                      | 142               |
| E               | Surat Kelulusan ERAS  | 143               |
| F               | Surat Kelulusan JPN Johor untuk Menjalankan Kajian                  | 144               |
| G               | Pengesahan Pakar Pertama  | 145               |
| H               | Pengesahan Pakar Kedua  | 146               |
| I               | Pengesahan Pakar Ketiga   | 147               |
| J               | Laporan Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov <sup>a</sup><br>bagi H06 | 148               |

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum, KPM (2009) dalam buku panduannya membahagikan pengurusan kokurikulum kepada strategi merancang, mengelola, menyelia, merekod dan menilai. Kebanyakan kajian pengurusan kokurikulum pada dekad ini seperti Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norziana Ayob (2015), Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud dan Saiful Azmi Mohd Nor (2016), Noor Azzam Syah Mohamed dan Suria Baba (2017) meninjau pengurusan kokurikulum dari empat dimensi, iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Walau bagaimanapun, definisi pengurusan kokurikulum sukar didapati. Maka, penyelidik mendefinisikan pengurusan kokurikulum sebagai segala urusan susun atur yang melibatkan kegiatan di luar bilik darjah. Urusan susun atur tersebut melibatkan strategi merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Kegiatan di luar bilik darjah pula merujuk kepada segala aktiviti lanjutan daripada sesi pemudahcaraan dan pembelajaran. Aktiviti lanjutan itu mesti diiktiraf oleh KPM, mengikut kehendak perubahan semasa dan selaras dengan prinsip kokurikulum yang memanfaatkan pelajar.

Zalina Mohd Tahir (2014) memetik laporan Mohd Nor Che Noh (1985) bahawa kokurikulum dan akademik berjalan berasingan sebelum kemerdekaan. Mengikut Mohd Nor Che Noh (1985), kokurikulum dijalankan dalam apa-apa bentuk sahaja seperti menanam sayur, bersukan, membuat kerja tangan dan menanam pokok

bunga. Selepas kemerdekaan, konsep kokurikulum berubah demi memperbaiki kelemahan akademik (Zalina Mohd Tahir, 2014). Kokurikulum menjadi sebahagian daripada integrasi kurikulum sekolah untuk menambah pengalaman pelajar yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas. Kokurikulum dirancang dan dilaksanakan untuk membantu perkembangan bakat, minat, jasmani, mental, dan sosial murid (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Kokurikulum juga bergiat untuk mengembangkan kognitif, jasmani dan rohani murid secara bersepadu demi menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Suffean Hussin, 2018).

Dalam perkembangan bidang kokurikulum di sekolah, pihak pengurusan kokurikulum dari peringkat kementerian ke peringkat sekolah memainkan peranan yang penting untuk memastikan keberkesanan aktiviti dan program kokurikulum bagi memanfaatkan setiap murid atau pelajar di peringkat sekolah (Nor Suhara Haji Fadzil dan Jamil Ahmad, 2010). Dasar dan polisi kokurikulum digubal sebagai dokumen rujukan yang berguna dalam proses pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah (Zalina Mohd Tahir, 2014). Antara dokumen yang biasa dirujuk dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum termasuklah Warta Kerajaan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Dasar Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas serta Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009).

Pengurusan kokurikulum bermatlamat untuk mengoptimumkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah (Nor Suhara Haji Fadzil dan Jamil Ahmad, 2010). Demi mencapai matlamat ini, pengurusan kokurikulum memastikan rekod aktiviti lanjutan pelajar sentiasa direkod dan dikemaskini supaya lengkap mencapai standard prosedur penilaian dokumentasi (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Daripada dokumentasi yang sedia ada, kemajuan dan kelemahan dapat dikesan dan diberi penambahbaikan secara berkesan. Penilaian yang adil dan tepat dilakukan untuk tujuan pengiktirafan kecemerlangan supaya memberangsangkan prestasi yang lebih cemerlang pada masa depan (Wiese dan Buckley, 1998; Cohen, 2019).



Pengurusan kokurikulum sangat penting di sekolah untuk memastikan segala urusan dalam sistem pengoperasian aktiviti dan program kokurikulum berjalan lancar bagi mewujudkan sekolah yang kondusif (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Pertama, taraf kemeriahan sekolah dapat dipertingkatkan dari segi fizikal sekolah dengan pemasangan bendera-bendera, panji-panji dan sepanduk sebagai lambang dan logo aktiviti kokurikulum. Suasana yang kondusif di persekitaran sekolah memotivasikan pembelajaran dan penyertaan pelajar. Kedua, melalui penganjuran pertandingan serta pengelolaan sambutan perayaan dan upacara sekolah secara terbuka dengan melibatkan pelbagai pihak, para pelajar berpeluang untuk menyertai aktiviti pembelajaran yang lebih menarik dan mempelajari perpaduan melalui pergaulan dengan guru dan murid berbilang bangsa. Ketiga, pelbagaikan gerak kerja luar bilik darjah mengikut trend semasa. Pengurusan kokurikulum sekolah bertanggungjawab untuk memantau sebahagian aktiviti komersial yang mendapat verifikasi kelulusan penganjuran daripada KPM supaya dijalankan dengan lancar di peringkat sekolah. Secara tidak langsung, ini boleh menyumbang kepada pembangunan kemanusiaan yang berpusatkan murid, serta menanam semangat kepunyaan pelajar terhadap sekolah tersebut (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM 2009; Bahagian Pendidikan Guru KPM, 2013).

Jelas dilihat bahawa objektif kokurikulum berfokus kepada kemenjadian pelajar (Bahagian Pendidikan Guru KPM, 2013). Pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah penting untuk memastikan objektif pergerakan segala aktiviti di luar bilik darjah tercapai di peringkat sekolah. Pelaksanaan kokurikulum yang memberangsangkan dapat meneguhkan watak, disiplin, persepsi dan perspektif global pelajar (Muhd. Abd. Hadi Bunyamin, 2015). Mengikut arahan KPM, aktiviti-aktiviti kokurikulum wajar dikendalikan sepanjang tahun berdasarkan perancangan yang bijaksana. Guru pentadbir kokurikulum perlu mengelakkan masalah seperti kebosanan pelajar dan aktiviti-aktiviti ad hoc yang bercanggah dengan objektif kokurikulum. Seterusnya, dengan adanya pengurusan kokurikulum yang efektif, pihak sekolah dapat memaksimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan asas agar mempertingkatkan penjimatan dan keberkesanan kos.

Di sekolah, carta organisasi Jawatankuasa Kerja Pengurusan dan Penyelarasan merupakan dokumentasi yang utama sebagai rujukan jawatan dan senarai tugas pengurusan kokurikulum (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Pengetua atau guru besar (PGB) dianggap sebagai pemimpin pengurusan sekolah. PGB bertanggungjawab untuk menerajui kepimpinan kokurikulum di peringkat sekolah (Ayob Jantan 2005; Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norziana Ayob, 2015). PGB sebagai Penolong Pendaftar yang sah untuk melantik guru bagi setiap bahagian sub unit kokurikulum seperti sukan, unit beruniform dan kelab (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Lazimnya, Penolong Kanan Kokurikulum (PKKK) dilantik oleh Jabatan Pendidikan untuk membantu PGB menguruskan kokurikulum. PKKK bertanggungjawab untuk merancang, mengelola, memimpin, menyelia dan menyelaras segala urusan kokurikulum bagi memastikan penglibatan guru dan murid dalam aktiviti kokurikulum mencapai prestasi yang diinginkan (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009).

PKKK dibantu oleh sepasukan guru pentadbir kokurikulum. Guru pentadbir kokurikulum di bawah seliaan PKKK termasuk setiausaha kokurikulum dan sukan, penyelaras kokurikulum, ketua guru pemimpin dan guru penasihat setiap kokurikulum, iaitu unit beruniform, kelab persatuan dan sukan permainan (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Guru-guru tersebut dikatakan sebagai tunjang dalam sistem kokurikulum mengikut standard polisi KPM. Mereka berganding bahu dan bekerja sepasukan dengan PKKK untuk membangunkan kokurikulum sekolah. Pengurusan kokurikulum yang cemerlang di sesebuah sekolah bergantung kepada persepakatan antara pemimpin dengan kumpulan pelaksana sekolah tersebut (Norasmah Othman dan Kamaruzaman Moidunny, 2012).

Secara ringkas, setiausaha kokurikulum menyelaras semua aktiviti kokurikulum dari segi pengagihan tugas, perancangan, pelaksanaan dan penilaian pelajar (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Beliau menjamin rekod dan data diselenggara dengan baik dan sentiasa mengadakan latihan kepada guru pentadbir kokurikulum dan murid yang berpotensi dalam aktiviti kokurikulum. Setiausaha sukan menjalankan aktiviti sukan di peringkat sekolah mengikut takwim

(Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Beliau menguruskan segala kerja yang berkaitan dengan sukan dan permainan sekolah. Guru Penyelaras harus memastikan perjalanan unit beruniform, kelab dan persatuan lancar. Beliau menyediakan jadual waktu untuk perjumpaan dan mesyuarat, menyediakan borang kebenaran ibu bapa atau penjaga, menentukan aktiviti, surat-menyurat dan minit mesyuarat difailkan dengan baik serta menguruskan buku kokurikulum (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Ketua guru pemimpin dan guru penasihat unit beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan bertanggungjawab atas segala urusan dalam unit beruniform atau kelab dan persatuan atau sukan dan permainan yang dipegang. Antara tugas yang dipertanggungjawabkan ialah merancang dan menjalankan mesyuarat agung, melantik ahli jawatankuasa pelajar, membuat perekodan aktiviti pelajar dan sebagainya, memastikan aktiviti sejajar dengan objektif sekolah dan jadual yang ditetapkan serta meningkatkan kecemerlangan pelajar (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009).

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

### **1.2.1 Kelemahan Pengurusan Kokurikulum**

Masalah pengurusan kokurikulum wujud apabila pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kokurikulum terbatas. Isu ini dianggap sebagai cabaran yang menyebabkan pengurusan kokurikulum kurang berkesan (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Penyelidik berpendapat bahawa budaya kebanyakan sekolah ialah PGB menurunkan kuasa kepada PKKK untuk melindungi aktiviti kokurikulum kerana pembantu yang dilantik ini mempunyai kuasa kedudukan sebagai seorang pentadbir kokurikulum yang sah. Keadaan ini bertambah serius apabila PKKK kurang menghayati ilmu dan kemahiran dalam bidang kokurikulum. Sikap dan amalan PKKK yang sambil lewa mempengaruhi budaya kerja organisasi (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail,

2013). Ini menyebabkan PKKK dianggap kurang berkebolehan, berkemahiran dan berpengalaman untuk memimpin guru ke arah perubahan.

Pentadbir yang dipilih kurang berkebolehan, berkemahiran dan berpengalaman adalah biasa kerana menurut Yusof Boon (2019), pemilihan seorang pentadbir adalah mengikut pelbagai indikator seperti latar belakang pendidikan, tempoh kekananan, prestasi temuduga dan sebagainya. Seseorang pentadbir tidak akan menyandang satu jawatan pentadbiran yang tetap dalam tempoh masa yang panjang. Beliau akan dipindahkan atau dinaikkan pangkat ke jawatan pengurusan yang lain dan jawatan itu akan disandang oleh pengurus yang baharu dalam tempoh masa beberapa tahun. Masalah pentadbir kurang mahir mengurus dalam bidang tertentu sentiasa berulang di peringkat sekolah akibat pergerakan sumber manusia pengurusan dari semasa ke semasa. Apabila pentadbir yang dilantik tidak diberi latihan lanjutan dalam pengurusan kegiatan kokurikulum, merekalah golongan yang kurang berpengetahuan dalam pengurusan kokurikulum (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Akibatnya, PKKK kurang sensitif dengan keperluan pengurusan kokurikulum. Kualiti pelaksanaan kegiatan kokurikulum dianggap rendah akibat kurang penambahbaikan.

Tahap pengurusan kokurikulum yang rendah dapat dikupas daripada empat aspek, iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Dari segi perancangan, masalah yang umum ialah perancangan kokurikulum sekolah tidak dihayati sepenuhnya untuk dilaksanakan. Program kokurikulum yang dilaksanakan kurang bersistematik dan kurang strategik. Terlalu banyak perubahan ad hoc dalam takwim sekolah mengganggu kelancaran aktiviti kokurikulum. Kekurangan maklumat dan pertimbangan sumber dalam proses perancangan serta hala tuju kurang jelas disampaikan di kalangan warga sekolah (Sharifah Meriam Syed Akil, 2007).

Dari segi pengelolaan, ketidakadilan dalam pembahagian guru penasihat dalam aktiviti kokurikulum sekolah berlaku. Keadaan ini jelas apabila terdapat guru yang berinisiatif sahaja saban tahun melaksanakan aktiviti di mana guru-guru yang tidak

memberi kerjasama dalam pelaksanaan program kokurikulum kekal bersikap demikian tanpa dikenakan tindakan susulan daripada pentadbir sekolah (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Masalah lain adalah seperti kerja penyelarasan kurang memuaskan, sumber diabaikan, prosedur kerja tidak diikuti, kemahiran guru tidak mencukupi untuk menyanggah jawatan kokurikulum berkenaan (Sharifah Meriam Syed Akil, 2007).

Kepimpinan dianggap sebagai satu proses untuk mempengaruhi sesuatu dalam proses kerja. Komunikasi, motivasi dan networking merupakan aspek yang penting dalam bidang kepimpinan. Cabaran dari segi kepimpinan termasuklah pemimpin kurang berpengaruh dan susah menggerakkan sesuatu, barisan pentadbir kurang bersepakatan, kurang bermotivasi, networking dengan agensi luar tidak kuat, tidak memberi panduan dan rangsangan serta tidak memberi teguran, latihan dan bimbingan dalam proses kerja (Sharifah Meriam Syed Akil, 2007). Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012) menyatakan bahawa guru menjalankan tugas kokurikulum sekadar hendak memenuhi arahan pentadbiran. Namun, dari perspektif lain, penyelidik berpendapat bahawa masalah pengurusan kokurikulum yang berunsur daripada guru dapat dibendung sekiranya kepimpinan PKKK berwibawa dan arahan yang diberikan jelas.

Dari segi pengawalan, masalah wujud apabila pemantauan, penilaian, perbandingan dan pementoran yang sewajarnya tidak dilakukan kepada guru dalam pelaksanaan kokurikulum (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013; Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, 2017). Contohnya, panduan kurang jelas menyebabkan prosedur kerja tidak berstruktur. Selepas program dijalankan, sesetengah pentadbir sekolah tidak melaksanakan post mortem bagi mengenalpasti masalah serupa yang berulang setiap tahun. Perbandingan pencapaian tidak dibuat untuk membaiki kelemahan yang sedia ada (Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, 2017). Ini jelas menunjukkan kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk mewujudkan budaya meningkatkan keberhasilan murid di sekolah. Tambahan pula, pengurusan sekolah juga kurang memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada guru yang

menjayakan program-program kokurikulum (Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, 2017).

Masalah pengurusan kokurikulum yang ternyata tersebut memberi implikasi jangka masa pendek dan jangka masa panjang kepada prestasi kokurikulum peringkat sekolah. Pengurusan kokurikulum dapat bertambah baik apabila setiap isu yang diketengahkan dapat dibendung pada masa akan datang.

### **1.2.2 Masa Instruksional Kokurikulum Tidak Dijaga**

Pangkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) KPM menunjukkan secara purata antara 2.4 hingga 2.9 jam sehari guru mengajar di bilik darjah, iaitu jauh lebih rendah daripada purata OECD yang menunjukkan 4.2 jam sehari (Bahagian Pendidikan Guru KPM, 2013). Laporan Nazir (2010) dan laporan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (2011) yang dipetik oleh Mahamad Amran Kamsi (2013) juga menunjukkan sekolah gagal menjaga masa instruksional kegiatan kokurikulum. Maka, dalam kajian ini, kegagalan melindungi masa instruksional (MMI) kokurikulum menjadi fokus kajian. MMI kokurikulum merujuk kepada melindungi masa instruksional kokurikulum, iaitu sejauh manakah masa yang diperuntukkan untuk pengendalian kokurikulum yang berkualiti dipatuhi.

Pihak pentadbir yang kurang berwibawa merupakan faktor kegagalan melindungi masa instruksional kokurikulum (Mahamad Amran Kamsi, 2013). Ciri-ciri pentadbir kurang berwibawa boleh dilihat daripada aspek pentadbir tidak berniat untuk menangani isu penguatkuasaan peraturan dan gagal mewujudkan budaya berkokurikulum di sekolah (Mahamad Amran Kamsi, 2013). Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19, di kebanyakan sekolah, pihak pentadbiran memberi pemberatan kepada kurikulum sehingga masa instruksional kokurikulum

disalah gunakan sebagai waktu kelas intensif bagi pelajar yang lemah dalam akademik (Bahagian Pendidikan Guru KPM 2013). Sesetengah sekolah juga lebih menumpukan sepenuh perhatian kepada program-program akademik demi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan kerajaan (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Dalam masa PKP 2020, aktiviti kokurikulum secara bersemuka ditangguhkan (Surat KPM.100-1/3/1 Jid 3 (92), bertarikh 21 Oktober 2020). Hal ini menyebabkan situasi berkokurikulum kurang cerah dan tidak tentu hala kerana setiap sekolah mengurus kokurikulum sama ada mengikut situasi masing-masing atau menunggu arahan daripada KPM. Oleh sebab informasi yang diberikan kurang berstruktur, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (2021, Mac) mengambil inisiatif mengeluarkan cadangan pelaksanaan program kokurikulum untuk menyelaraskan pelaksanaan kokurikulum di negeri Johor. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Operasi Pendidikan KPM (2021, Jun) memberi pemakluman secara rasmi terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum mingguan secara dalam talian. Tanpa surat secara rasmi, kebanyakan sekolah menunda kokurikulum di sekolah.

Masa perjumpaan kokurikulum tidak dijalankan mengikut takwim akibat pentadbir yang suka menggunakan masa kokurikulum untuk melakukan perkara yang lain menjejaskan keberkesanan masa instruksional (Mahamad Amran Kamsi, 2013). Antara aktiviti yang menggunakan masa instruksional kokurikulum ialah latihan persembahan, raptai sukan, ceramah hal ehwal murid dan bengkel mata pelajaran bagi meningkatkan kemahiran menjawab soalan dalam peperiksaan (Mahamad Amran Kamsi, 2013). Seterusnya, sikap pentadbir yang gagal membuat pemantauan juga menjejaskan masa instruksional kokurikulum dijalankan secara berkesan. Sebab lain yang menjejaskan masa instruksional kokurikulum termasuk pentadbir gagal menguruskan ketidakhadiran murid dengan baik dan sikap pentadbir yang sambil lewa terhadap pengendalian kokurikulum. Sekiranya isu-isu ini diketengahkan oleh pentadbir, maka masa instruksional kokurikulum akan dipatuhi dengan baik.

Masa instruksional kokurikulum kurang berkesan juga dapat ditinjau melalui aspek guru. Guru kurang kompeten wujud dari segi kejurulatihan, pengetahuan

peraturan kokurikulum dan perlembagaan persatuan yang dipimpin (Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, 2017). Masalah ini mempengaruhi kualiti masa instruksional kokurikulum. Daripada dapatan kajian Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012), sebahagian guru tidak mengetahui Pekeliling Ikhtisas yang berkaitan dengan kokurikulum. Penghayatan kurang terhadap SPI 103/020/23 Jid. 5 (12) yang bertarikh 15 Januari 2013 yang berkaitan dengan MMI juga menyebabkan guru pentadbir kokurikulum tidak tahu tentang justifikasi perkembangan MMI Kokurikulum dan strategi yang dicadangkan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan menyumbang kepada kecemerlangan sekolah.

Dapatan kajian Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013) menunjukkan guru menyumbang permasalahan kerana kurangnya pengetahuan dan kemahiran guru dalam menghasilkan kandungan pembelajaran sub unit kokurikulum. Ini sebab utama guru kurang melaksanakan kegiatan kokurikulum, kurang kreatif serta tidak berminat untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum kepada para murid. Guru terbeban apabila menjalankan kokurikulum (Norhidayati Hassan dan Muhammad Hussin, 2018). Menurut Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak (2015), 60.5 peratus guru menyuarakan bantahan dan tentangan terhadap beban tugas kokurikulum di sekolah.

MMI kokurikulum kurang berkesan akibat kandungan pembelajaran kokurikulum yang tidak lengkap dan tidak berstandard. Fenomena ini wujud kerana guru jarang menyediakan modul bagi unit kokurikulum tertentu. Kegiatan kokurikulum yang diketuai oleh guru sangat bergantung kepada kompetensi guru. Murid hanya akan bermanfaat sekiranya guru itu aktif, mahir dan sudi berkongsi (Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, 2017). Sekiranya guru itu berpindah, prestasi unit beruniform, kelab dan persatuan tersebut akan terus runtuh.



Akibat daripada masalah pengurusan seperti pemberatan kepada akademik (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013), sikap pentadbir yang gagal membuat pemantauan, post mortem dan tindakan terhadap ketidakhadiran murid (Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad, 2012), guru mengambil mudah pelaksanaan bidang kokurikulum, persepsi negatif terhadap kokurikulum jelas dilihat di kalangan murid (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). UKEssays (2018) menunjukkan persepsi dapat menentukan tingkah laku seseorang. Maka kesannya, murid mengganggu keberkesanan MMI kokurikulum. Ini disebabkan murid lebih mengutamakan bidang akademik berbanding kegiatan kokurikulum. Murid merasakan hanya pencapaian bidang akademik sahaja yang diberi pengiktirafan dan keutamaan oleh pihak sekolah (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Mereka melihat pentadbiran sekolah dan guru lebih mementingkan kepada keputusan peperiksaan berbanding pencapaian bidang kokurikulum. Bagi kumpulan murid yang mengambil peperiksaan kerajaan pada tahun semasa, beban kerja rumah yang bertambah juga menghalang mereka menghadiri aktiviti kokurikulum. Tanpa tindakan tatatertib yang dikenakan atas ketidakhadiran murid, adalah lebih baik bagi murid menyiapkan kerja rumah yang diberi kerana jika kerja rumah tidak diselesaikan, mereka akan didenda oleh guru. Sesetengah murid lebih suka berkumpul dan 'lepak' bersama kawan-kawan di luar sekolah pada sebelah petang walaupun terdapat program kokurikulum yang wajib disertai mereka di sekolah (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013). Justeru, pencapaian kokurikulum murid kurang memuaskan kerana murid tidak aktif dalam kokurikulum.

### **1.2.3 Kelemahan Kajian Lepas**

Kajian lepas seperti Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013) berbentuk kualitatif mengemukakan pelbagai masalah pengurusan kokurikulum. Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013) menyatakan 87 peratus kelemahan pengurusan

kokurikulum adalah berpunca daripada kelemahan dalaman organisasi sekolah yang melibatkan pentadbir dan guru. Kajian Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013) juga membentangkan jenis kelemahan yang didapati tetapi kajian tersebut mengambil kira perspektif PKKK di sekolah menengah dan sekolah rendah. Dalam proses meninjau literatur, penyelidik jarang menjumpai kajian yang dibuat di sekolah rendah. Ini menunjukkan keperluan kajian ini dijalankan di sekolah rendah bagi memperoleh situasi sebenar.

Mahamad Amran Kamsi (2013) merupakan satu-satu yang membentangkan cadangan penyelesaian bagi membendung isu MMI kokurikulum. Namun, keberkesanan cadangan Mahamad Amran Kamsi (2013) belum pernah dikaji. MMI kokurikulum juga belum diperkenalkan dalam mana-mana kajian lepas. Memandangkan masa instruksional wajib dijaga dalam kokurikulum berdasarkan SPI 103/020/23 Jid. 5(12) yang bertarikh 15 Januari 2013, pengabaian MMI kokurikulum dalam bidang penyelidikan harus diketengahkan.

Terlalu banyak kelemahan pengurusan kokurikulum yang ditunjukkan dalam kajian lepas. Antaranya misalan Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012) menyatakan kemahiran PKKK merancang dan mengelola aktiviti serta penyediaan perancangan aktiviti jangka pendek dan jangka panjang adalah berada di tahap yang sederhana, perubahan ad hoc dalam takwim sekolah mengganggu kelancaran aktiviti kokurikulum (Mahamad Amran Kamsi, 2013), kerja penyelarasan kurang memuaskan, sumber diabaikan, prosedur kerja tidak diikuti, kemahiran guru tidak mencukupi untuk menyandang jawatan kokurikulum berkenaan (Sharifah Meriam Syed Akil, 2007). Justeru, masalah seperti ini harus disusuli dari semasa ke semasa agar amalan pengurusan kokurikulum menganjak ke tahap yang cemerlang.

Daripada tinjauan literatur, penyelidik mendapati bahawa masalah pengurusan kokurikulum wujud akibat kekurangan pengetahuan dan kemahiran PKKK dan guru. Namun, penyelidik berpendapat bahawa kesungguhan PKKK dapat menentukan tahap kecemerlangan amalan pengurusan. Begitu juga penyelidik berpendapat bahawa

amalan pengurusan kokurikulum dapat mempengaruhi keberkesanan MMI. MMI kokurikulum tidak dijaga akan memburukkan persepsi murid terhadap kokurikulum. Persepsi negatif ini sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian murid dalam kokurikulum. Namun, setakat ini, tiada kajian lepas yang pernah meninjau aspek ini.

Mulai 2021, UPSR dimansuhkan sepenuhnya (Mohamad Iskandar Ibrahim, 28 April 2021). Pemansuhan ini menunjukkan pendidikan di sekolah rendah mengalami transformasi ke pendidikan holistik yang berfokus kepada kemenjadian murid berpandukan FPK. Penyelidik beranggapan bahawa pemansuhan UPSR ini pasti akan mengubah pencapaian kokurikulum murid daripada semata-mata mengejar pencapaian akademik kepada aspek yang lebih menyeluruh termasuk mementingkan kokurikulum. Ini disebabkan pengiraan markah PAJSK sebagai kriteria pemilihan sekolah menengah memberi implikasi yang positif kepada murid-murid. Kajian lepas seperti Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak (2015) menunjukkan tiada korelasi kompetensi guru dengan pencapaian murid di sekolah menengah. Namun, Chuah Hong Ngee (2015) pula menyatakan pengurusan dan kepimpinan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian kokurikulum murid. Pada hal ini, kedua-dua kajian ini dibuat di sekolah menengah. Cara memperoleh data pencapaian murid tidak dinyatakan dalam jurnal.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang kajian, kelemahan amalan pengurusan kokurikulum dirumuskan dalam empat dimensi iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Kelemahan perancangan kokurikulum merangkumi isu keputusan perancangan yang dibuat kurang bersistematik atau strategik, kurang selaras dengan hala tuju kokurikulum dan tidak mempertimbangkan sumber di peringkat sekolah. Masalah pengelolaan bertumpu kepada ketidakadilan yang berlaku dalam pembahagian guru penasihat dalam gerak kerja kokurikulum sekolah, LADAP

serta kolaborasi antara PKKK dengan guru pentadbir kokurikulum. Kelemahan kepimpinan dapat dilihat daripada kekurangan pengaruh seseorang PKKK terhadap guru pentadbir kokurikulum dalam proses kerja. Kelemahan pengawalan pula dapat dilihat dari segi pemantauan, penilaian, perbandingan dan pementoran dalam susun atur kokurikulum.

Masalah pengurusan menyebabkan amalan MMI kokurikulum kurang berkesan. Ini disebabkan pemberatan kepada akademik (Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail, 2013), sikap pentadbir yang gagal membuat pemantauan, post mortem dan tindakan terhadap ketidakhadiran murid (Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad, 2012), guru mengambil mudah pelaksanaan bidang kokurikulum. Akibatnya, masa perjumpaan kokurikulum terganggu, guru tidak bersedia mengendalikan kokurikulum, kandungan pembelajaran tidak lengkap dan tidak berstandard, pelaksanaan kokurikulum yang kurang menarik, murid tidak bersedia untuk menyertai kokurikulum dan sebagainya. Faktor-faktor ini menyebabkan murid tidak minat akan kokurikulum. Akibatnya, murid tidak aktif menyertai kegiatan kokurikulum. Pencapaian kokurikulum mereka dalam PAJSK terjejas. Sufa'at Tumin (2013) menyokong penyelidik bahawa MMI mempengaruhi keberhasilan murid.

Daripada kajian lepas, kelemahan pengurusan kokurikulum telah dikenalpasti daripada kajian Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013). Cadangan penyelesaian MMI kokurikulum daripada Mahamad Amran Kamsi (2013) dikemukakan tetapi belum pernah dikaji. Tambahan pula banyak kelemahan pengurusan kokurikulum yang ditunjukkan dalam kajian lepas. Kebanyakan kajian lepas dibuat di sekolah menengah dan masih jarang berfokus kepada sekolah rendah. Tiada kajian dalam bidang pengurusan kokurikulum yang membandingkan amalan pengurusan kokurikulum di antara SK dan SJKC sedangkan kebanyakan guru beranggapan bahawa SJKC mementingkan akademik sehingga mengabaikan bidang kokurikulum. Penyelidik ingin mengenalpasti sama ada tahap pengurusan kokurikulum wujud di SJKC sama baik seperti tahap pengurusan kokurikulum SK memandangkan mitos masyarakat menyatakan komuniti SJKC

memberi fokus yang berat kepada kurikulum dan keputusan akademik pelajar. Oleh itu, penyelidik menaruh minat untuk mendalami masalah kokurikulum di SK dan SJKC seterusnya membuat perbandingan antara dua jenis sekolah tersebut. Dengan pelbagai data yang diperolehi, jelas menunjukkan keperluan kajian kuantitatif wajar dibuat untuk meninjau situasi semasa di sekolah rendah. Penyelidik berhasrat untuk meninjau korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum, pelaksanaan MMI kokurikulum dan pencapaian murid sama ada dapat diterima. Ini disebabkan kajian lepas yang didapati tidak memenuhi hasrat ini.

Daripada rumusan latar belakang kajian tersebut, penyelidik menjelaskan fokus kajian. Pertama, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana amalan pengurusan kokurikulum di sekolah rendah SK dan SJKC. Fokus kajian bertumpu kepada tahap pengurusan kokurikulum yang ditunjukkan oleh PKKK sebagai pengurus bidang kokurikulum utama. Penyelidik mengambil kira perspektif guru pentadbir kokurikulum kerana mereka golongan penggerak yang menjalankan tugas mengikut arahan PKKK. Guru pentadbir kokurikulum merupakan kelompok yang paling awal mengesan masalah yang wujud. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengambil persepsi guru pentadbir kokurikulum terhadap amalan pengurusan kokurikulum yang ditunjukkan oleh PKKK. Melalui soal selidik kepada guru pentadbir kokurikulum, penyelidik dapat mendapatkan gambaran sebenar tentang amalan pengurusan kokurikulum yang ditunjukkan oleh PKKK di peringkat sekolah. Penyelidik juga dapat meninjau sama ada terdapat jurang dengan dapatan kajian lepas. Oleh sebab PKKK perancang dan penggerak utama sistem pengurusan kokurikulum, adalah sesuai PKKK dijadikan sebagai watak utama dalam kajian amalan pengurusan kokurikulum ini.

Kedua, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana tahap MMI kokurikulum di sekolah rendah. Fokus kajian bertumpu kepada amalan guru pentadbir kokurikulum untuk melindungi masa instruksional kokurikulum di sekolah mereka. Penyelidik mengambil kira perspektif guru pentadbir kokurikulum terhadap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah. Ini disebabkan guru pentadbir kokurikulum merupakan golongan yang berdepan dengan murid. Mereka dapat memberi respon persepsi

berdasarkan pengalaman dan pemerhatian. Melalui soal selidik kepada guru pentadbir kokurikulum, penyelidik dapat mendapatkan gambaran sebenar tentang amalan MMI kokurikulum di peringkat sekolah. Penyelidik juga dapat meninjau sama ada cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh Mahamad Amran Kamsi (2013) sesuai dipraktikkan. Ketiga, daripada data yang dikutip, penyelidik ingin mengukur sama ada terdapat korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap MMI kokurikulum. Ini disebabkan penyelidik berpendapat bahawa amalan pengurusan kokurikulum yang dipraktikkan oleh PKKK dapat mempengaruhi pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah.

Keempat, penyelidik ingin meninjau sejauh manakah pencapaian kokurikulum di sekolah rendah yang dikaji. Fokus kajian bertumpu kepada gred purata kokurikulum PAJSK tahun 2020 kerana data ini dikira sekali setahun. Penyelidik mengambil kira data sebenar gred purata kokurikulum PAJSK kerana data ini diterima secara rasmi mewakili prestasi kokurikulum murid di sekolah. Daripada gred purata kokurikulum PAJSK yang dikutip, tahap pencapaian kokurikulum murid dapat dikesan dari segi kehadiran, penglibatan dan pencapaian murid dalam pertandingan secara keseluruhan. Data ini jelas menunjukkan sama ada murid mencapai kehadiran minimum, aktif melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, tahap penglibatan dan pencapaian diri dalam pelbagai aktiviti kokurikulum peringkat luar sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Seterusnya, penyelidik dapat mengukur sejauh mana korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pencapaian murid dalam kokurikulum di sekolah rendah memandangkan Mohd Nor Jaafar dan Kung (2019) yang menggunakan Teori Penglibatan Astin dalam kajian mereka menunjukkan kedua-dua peranan pengetua dan guru penasihat mempunyai korelasi yang kuat dan positif dengan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Akhir sekali, penyelidik berminat untuk membandingkan data sama ada terdapat perbezaan amalan pengurusan kokurikulum di antara dua jenis sekolah rendah yang berlainan, iaitu SK dan SJKC. Ini disebabkan penyelidik ingin tahu sama ada perbezaan yang signifikan wujud di antara dua jenis sekolah rendah ini memandangkan Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud dan Saiful Azmi Mohd Nor (2016) membuktikan tiada perbezaan pengurusan kokurikulum yang signifikan antara

dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu yang dikaji tetapi kajian lepas yang lain tidak membuat hipotesis yang seumpama.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian yang dibentangkan memberi hala tuju yang jelas kepada kajian ini. Tanpa hala tuju yang jelas, tugas kajian ini keaburan dan sukar mencapai sasarannya. Oleh itu, objektif yang berkaitan dengan latar belakang dan pernyataan masalah dinyatakan secara terperinci bagi menentukan kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektifnya. Antaranya seperti:

1. Mengukur sejauh mana tahap amalan pengurusan kokurikulum di sekolah.
2. Mengukur sejauh mana tahap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah.
3. Menilai sejauh mana korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah.
4. Mengukur sejauh mana tahap pencapaian kokurikulum murid di sekolah.
5. Menilai sejauh mana korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pencapaian kokurikulum murid di sekolah.
6. Menilai sama ada terdapat perbezaan tahap pengurusan kokurikulum antara sekolah SK dan SJKC.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian dihasilkan khas untuk menyempitkan pernyataan tujuan kepada soalan khusus yang ingin dijawab oleh penyelidik dalam kajian (Creswell, 2014). Bagi mencapai objektif di atas, secara khusus kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan bagi soalan kajian yang berikut:

1. Sejauh manakah amalan pengurusan kokurikulum di sekolah?
2. Sejauh manakah tahap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah?
3. Sejauh manakah korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah?
4. Sejauh manakah tahap pencapaian kokurikulum murid di sekolah?
5. Sejauh manakah korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pencapaian kokurikulum murid di sekolah?
6. Adakah terdapat perbezaan amalan pengurusan kokurikulum di antara SK dan SJKC?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis merupakan jangkaan awal dalam kajian kuantitatif yang hendak diuji. Pernyataan hipotesis berikut menghubungkan pembolehubah bebas kajian ini, iaitu amalan pengurusan kokurikulum, dua pembolehubah pembolehubah bersandar, iaitu tahap pelaksanaan MMI kokurikulum dan tahap pencapaian kokurikulum murid terhadap pengendalian kokurikulum. Penyelidik dapat menguji sama ada terdapat korelasi antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hipotesis nul kajian ini dibentuk berdasarkan soalan kajian yang ke-3, ke-5 dan ke-6, iaitu:



H03: Tidak terdapat korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pelaksanaan MMI kokurikulum di sekolah.

H05: Tidak terdapat korelasi antara amalan pengurusan kokurikulum dengan tahap pencapaian kokurikulum murid di sekolah.


H06: Tidak terdapat perbezaan antara tahap pengurusan kokurikulum sekolah SK dan SJKC.

## **1.7 Kerangka Konseptual Kajian**

Secara konseptual, kajian ini mengkaji tiga konstruk, iaitu amalan pengurusan kokurikulum, pelaksanaan MMI kokurikulum dan pencapaian kokurikulum murid. Konstruk amalan pengurusan kokurikulum ditinjau melalui empat dimensi, iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan berlandaskan teori pengurusan Robbins dan Coulter (2012) disisipkan prinsip pengurusan kokurikulum Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM (2009). Konstruk tahap MMI kokurikulum berlandaskan idea MMI kokurikulum Mahamad Amran Kamsi (2013). Manakala tinjauan konstruk pencapaian murid adalah berdasarkan data sekunder rumusan gred purata kokurikulum PAJSK. Data sekunder ini dapat diperoleh daripada guru pentadbir kokurikulum di sekolah.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Amalan pengurusan kokurikulum ialah pembolehubah bebas, tahap MMI kokurikulum dan pencapaian kokurikulum ialah pembolehubah bersandar. Korelasi antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar diuji.

**Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian**



## **1.8 Kerangka Teoritikal Kajian**

Terdapat tiga teori atau model digunakan dalam kerangka kajian ini. Teori pengurusan Robbins dan Coulter (2012) dan Prinsip Pengurusan Kokurikulum (2009) dirujuk untuk mereka kerangka teoritikal pengurusan kokurikulum kajian ini. Kerangka teoritikal MMI kokurikulum mengambil idea Mahamad Amran Kamsi (2013) sebagai rujukan utama.

### **1.8.1 Teori Pengurusan Robbins dan Coulter (2012)**

Teori Robbins dan Coulter (2012) membahagikan konstruk pengurusan kepada empat dimensi utama, iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan. Dalam dimensi perancangan, kajian berfokus kepada pengurus, iaitu penolong kanan kokurikulum yang dianggap sebagai individu yang membuat keputusan. Keputusan

yang dibuat harus berfokus kepada apa yang penting, logik, konsisten, analitikal berdasarkan data dan pandangan yang didapati, berterus terang, boleh dipercayai, mesra pengguna dan fleksibel supaya rancangan yang dibuat dapat berubah mengikut perubahan semasa. Teknik perancangan yang ditinjau melibatkan teknik penilaian persekitaran, teknik penempatan sumber seperti penjadualan serta teknik pengurusan projek (Robbins dan Coulter, 2012).

Dalam dimensi pengelolaan, kajian berfokus kepada tahap pengelolaan kokurikulum sepanjang tahun. Kajian berlandaskan teori Robbins dan Coulter (2012) meninjau sama ada spesifikasi kerja seseorang direka berdasarkan reka bentuk organisasi. Kajian meninjau sama ada kolaborasi diamalkan, penyusunan kerja yang fleksibel dan keberkesanan menyelesaikan keadaan di luar jangkaan. Amalan kerja yang menjuruskan pencapaian tinggi bergantung kepada peningkatan motivasi dan komitmen pekerja, peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kebolehan pekerja dalam organisasi.

Untuk menguruskan sumber manusia dengan berkesan, kepimpinan pengurus menguasai pengurusan pasukan. Robbins dan Coulter (2021) menitikberatkan pelbagai isu yang wujud di kalangan pekerja seperti konflik masa dan sokongan kerja kepada pekerja yang berprestasi rendah untuk memastikan budaya bekerja yang sihat di organisasi. Menurut Robbins dan Coulter (2021), kepimpinan berkesan bergantung tinggi kepada komunikasi secara terbuka dan jujur. Hubungan interpersonal dan motivasi dapat dipertingkatkan melalui teknik komunikasi yang betul. Persepsi seseorang terhadap hasil pencapaian, kepercayaan terhadap pengurus dan ganjaran dapat menentukan tahap usaha seseorang. Dalam konteks ini, kepercayaan lebih penting daripada ganjaran luar untuk memastikan kepuasan bekerja kerana kepercayaan terhadap seseorang dipengaruhi oleh kredibiliti, integriti dan kebolehan pemimpin. Oleh itu, pengurus yang cemerlang harus mempunyai karisma yang berpengaruh. Pengurus harus mahir memotivasikan pekerja. Ini merupakan kepimpinan yang berkesan. Hanya peningkatan yang berterusan dalam pengurusan dapat memperbaiki titik lemah dan memupuk kejayaan yang berterusan (Robbins dan Coulter, 2012).

Akhir sekali, pengawalan Robbins dan Coulter (2012) dalam pengurusan merujuk kepada proses memantau, membanding dan membetulkan prestasi kerja. Berdasarkan Robbins dan Coulter (2012), pengawalan dapat memastikan pengurus menyusul tindakan menjajarkan objektif yang disasarkan. Sistem pengawalan yang efektif membekalkan informasi dan maklum balas terhadap pencapaian pekerja dan mengurangkan isu yang berpotensi berlaku. Justeru, pengawalan bermula daripada mengukur pencapaian sebenar daripada informasi, seterusnya, membanding pencapaian sebenar dengan standard. Kemudian, pengurus dapat memilih tindakan berdasarkan masalah yang dihadapi.

### **1.8.2 Prinsip Pengurusan Kokurikulum KPM (2009)**

Tahap perancangan kokurikulum mementingkan hebahan visi kokurikulum, penyediaan takwim, jurulatih dan sumber bahan yang mencukupi (Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM, 2009). Hal ini demikian kerana perancangan strategik dibuat berlandaskan visi yang ditetapkan bersama. Hala tuju kokurikulum yang baik dapat memimpin guru dan murid ke arah perubahan, memastikan perancangan aktiviti yang dibuat sesuai dengan tahap pembelajaran murid, memastikan peralatan yang lengkap disediakan bagi aktiviti kokurikulum, memastikan tempat yang selamat untuk melaksanakan aktiviti dan merancang strategi untuk meningkatkan kecemerlangan murid. Seterusnya, perancangan kokurikulum juga mengambil kira sama ada unit kokurikulum yang ditubuhkan sesuai dengan minat murid, membantu pembelajaran bersepadu. Aspek ini dapat mengenalpasti sama ada perancangan kokurikulum memenuhi piawaian FPK, polisi kokurikulum serta cita rasa pelajar mengikut trend zaman. Dalam aspek perancangan, pelantikan guru penasihat juga dikesan sama ada mengikut kebolehan guru serta mengambil kira sama ada pembahagian tugas adil.

Pengelolaan kokurikulum mementingkan prosedur pelaksanaan kokurikulum. Antaranya seperti penentuan jawatankuasa kokurikulum sekolah berfungsi dengan baik dan sama ada setiap individu dalam pengurusan kokurikulum memahami tugas sendiri dengan jelas. Kecemerlangan kokurikulum tidak akan tercapai dengan usaha seorang sahaja. Oleh itu, setiap individu harus memikul tanggungjawab berlandaskan visi yang sama. Seterusnya, Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM (2009) menjelaskan polisi yang perlu diikuti supaya pelaksanaan kokurikulum di peringkat sekolah memenuhi kehendak SPI serta aktiviti yang dijalankan bersesuaian dengan tahap penguasaan murid. Tambahan pula, keberkesanan pengelolaan kegiatan kokurikulum juga ditinjau melalui penggunaan kemudahan serta prosedur pengelolaan mengikut Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum KPM (2009).

Berdasarkan Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum, KPM (2009), pengawalan melibatkan kerja penyelarasan penilaian dan pemantauan. Penilaian dapat dibuat kepada unit kokurikulum dan pencapaian pelajar. Pemantauan dapat dibuat kepada guru penasihat mengelola, merekod, menilai dan menganalisis aktiviti dan prestasi guru. Keberkesanan program juga salah satu faktor yang penting dalam pengawalan kewangan kokurikulum. Dengan adanya proses pengawalan yang sempurna, pengurusan dapat dikatakan cemerlang kerana kebajikan, pencapaian, penglibatan dan keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum dapat dijaga dengan berkesan.

Prinsip-prinsip pengurusan yang tersenarai di atas adalah penting kerana pengendalian aktiviti kokurikulum sentiasa berubah supaya mencapai tahap yang diinginkan oleh KPM. Bahagian Sukan, Seni Dan Kokurikulum, KPM (2009) mengutamakan pengurusan kokurikulum yang berkesan supaya perkembangan pelajar jelas ditonjolkan selaras dengan ideologi FPK.

### **1.8.3 Pelaksanaan MMI Kokurikulum**

MMI merujuk kepada melindungi masa instruksional. Masa instruksional merujuk kepada jumlah waktu pembelajaran yang bebas daripada gangguan dalaman dan luaran. Masa pembelajaran harus dimanfaatkan sepenuhnya supaya hasil pembelajaran ditetapkan dapat dicapai. Melindungi masa instruksional atau dikenali dengan kata singkatannya MMI merupakan usaha KPM untuk mengoptimumkan masa pembelajaran pelajar di sekolah. Di bawah payung MMI, pemimpin sekolah, iaitu pihak pengurusan sekolah harus memastikan keberadaan guru di sekolah dan meningkatkan kualiti kemahiran pengajaran guru melalui kepimpinan instruksional. Maka, pembaziran masa dapat dielakkan dan objektif pembelajaran dapat tercapai. Pelaksanaan MMI yang berjaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan menyumbang kepada kecemerlangan sekolah.

Dalam kajian ini, pelaksanaan MMI kokurikulum difokuskan. Prinsip pelaksanaan MMI kokurikulum berbunyi, warga sekolah mengetahui bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah harus dianggap kegiatan yang penting, terancang dan bersistematik untuk membangunkan kepelbagaian intelek, jasmani dan emosi. Kedua, aktiviti kokurikulum harus dipelbagaikan mengikut minat dan kebolehan pelajar. Ketiga, aktiviti kokurikulum harus dijalankan sepanjang tahun untuk dijadikan amalan. Sistem pemantauan harus diperkukuh untuk memastikan penyertaan murid secara maksimum. Keempat, guru yang kurang berkemahiran dalam bidang kokurikulum harus diberi peluang untuk menghadiri kursus dan pendedahan latihan. Kelima, penggunaan infrastruktur dan peralatan wajar diguna sama dengan cara penjadualan supaya mencapai penggunaan optimum. Keenam, sumber maklumat aktiviti kokurikulum yang terkini dan komprehensif harus dipaparkan di papan-papan kenyataan, sudut-sudut khas atau disebarkan melalui laman web untuk mempromosikan aktiviti kokurikulum. Ketujuh, kerja penyelidikan dan pembangunan harus dijalankan untuk menambahbaikkan keberkesanan pengurusan kokurikulum supaya pelaksanaan kokurikulum di sekolah lebih bersifat dinamik. Berdasarkan prinsip di atas, penyelidik merumuskan bahawa MMI kokurikulum melibatkan waktu aktiviti kokurikulum bebas daripada apa-apa gangguan, kesediaan guru dan murid,

kandungan pembelajaran yang menarik perancangan tahunan, serta pembelajaran yang berfokuskan pelajar. Keberadaan guru bersama murid serta bimbingan guru dalam proses penyelesaian masalah juga penting untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan MMI kokurikulum.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mengukur amalan pengurusan kokurikulum di sekolah SK dan SJKC di daerah Pasir Gudang. Kajian ini meneroka perspektif insider yang lebih objektif. Pengurusan kokurikulum di sekolah ialah ilmu bidang yang harus dikuasai oleh guru dan pentadbir demi menggunakan sumber manusia secara berkesan untuk mencapai matlamat dan tujuan kokurikulum. Dapatan kajian ini dapat dijadikan penanda aras kepada PKKK di SK dan SJKC secara khusus. Hasil dapatan kajian sesuai dijadikan sumber rujukan pada masa hadapan kepada sektor-sektor pengurusan kokurikulum di KPM, IAB, JPN, PPD dan sekolah bagi memahami amalan pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah SK dan SJKC daerah Pasir Gudang. Sebagai pentadbir, ilmu pengetahuan dan kemahiran pengurusan harus dikemakini dari semasa ke semasa.

Seterusnya, kajian ini mengukur tahap MMI kokurikulum. Pelaksanaan MMI kokurikulum tidak pernah diukur di mana-mana kajian pengurusan kokurikulum sebelum ini. Justeru, kajian ini dapat menunjukkan tahap pelaksanaan MMI dalam bidang kokurikulum memandangkan cadangan telah dikemukakan oleh Mahamad Amran Kamsi (2013) dan surat pekeliling ikhtisas SPI 103/020/23 Jid. 5 (12) yang bertarikh 15 Januari 2013 yang berkaitan dengan MMI juga dikeluarkan untuk mengarahkan guru pentadbir kokurikulum menjaga masa instruksional kokurikulum.

Dalam kajian ini soal selidik direka khas sebagai instrumen kajian berdasarkan teori Robbins dan Coulter (2012), prinsip pengurusan kokurikulum KPM (2009) dan

pelaksanaan MMI kokurikulum yang disarankan oleh Mahamad Amran Kamsi (2013). Pada akhir soal selidik, data rumusan gred purata kokurikulum PAJSK dikutip untuk menganalisis tahap pencapaian kokurikulum murid. Soal selidik ini dapat dijadikan model kepada bakal penyelidik untuk menjalankan kajian yang sama kerana soal selidik ini mempunyai nilai kesahan dan kepercayaan yang tinggi.

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada bakal penyelidik yang ingin menyelidik bidang pengurusan kokurikulum. Cadangan kajian lanjutan dicatat khas dalam Bab 5 sebagai rujukan penyelidikan lanjutan. Diharapkan kelemahan sistem pengurusan kokurikulum dapat diperbaiki dengan usaha memperbanyak dan mempelbagaikan kajian yang dilakukan. Guru pada dekad ini tidak setakad mengajar, kepentingan pengemaskinian ilmu semakin terserlah untuk menampung kehendak generasi muda yang suka menunjukan soalan yang kreatif dan kritis. Proses membuat kajian mengasah kebolehan seseorang melakukan analisis secara saintifik beserta bukti.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini berfokus kepada segala aktiviti kokurikulum unit beruniform, kelab dan persatuan, sukan dan permainan yang diurus oleh guru. Kelas bayaran ekstra yang diurus oleh penganjur bukan pertimbangan kajian ini. Walaupun kelas bayaran ekstra itu bersifat kokurikulum dan memohon kebenaran PGB untuk mengadakan kelas di sekolah, kelas tersebut tidak termasuk dalam kajian ini.

Dari segi lokasi, kajian ini dibuat terhad di daerah Pasir Gudang. Diharapkan kajian ini dapat memartabatkan pengurusan kokurikulum di lokasi ini. Dari segi penentuan sampel, kajian ini berfokus kepada guru pentadbir kokurikulum. Ini bermakna, perspektif insider direkod. Tiada responden yang diambil daripada



komuniti setempat atau pegawai jabatan berkenaan. Selain itu, kajian ini berfokus kepada pengurusan kokurikulum di sekolah kerajaan sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada pengurusan kokurikulum sekolah kawasan lain atau jenis sekolah lain.

Akhir sekali, penyelidik menghadapi cabaran dari segi masa dan sumber rujukan. Kajian ini sepatutnya disempurnakan dalam tempoh 10 bulan. Malang tidak berbau. Kawalan Pergerakan dilaksanakan di seluruh Malaysia akibat penularan wabak Covid-19. Perpustakaan ditutup. Kebanyakan sumber rujukan atas talian yang diakses. Tambahan pula, perjumpaan dengan penyelia tersekat memperlakan proses penghasilan kajian. Penyelidik terpaksa menggunakan 15 bulan untuk menyiapkan penyelidikan. Data amalan pengurusan kokurikulum dan data tahap pelaksanaan MMI kokurikulum diperolehi daripada responden pada tahun 2021 tetapi data gred purata kokurikulum PAJSK murid berdasarkan data tahun 2020. Ini berkemungkinan mempengaruhi ujian hipotesis yang dibuat.

### **1.11 Definisi Istilah dan Operasional**

Istilah yang digunakan secara operational wajar dibuat di setiap kajian kerana definisi perkataan atau frasa berikut membawa konsep dan takrifan operasi yang mungkin berlainan daripada kajian yang lain. Antaranya:

#### ***Amalan Pengurusan Kokurikulum***

Amalan mengikut Kamus Dewan Edisi keempat bermaksud kebiasaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Dalam kajian ini, amalan pengurusan kokurikulum mengambil kira kebiasaan kerja kokurikulum disusun atur, termasuklah tahap

tanggungjawab merancang, mengelola, memimpin dan mengawal yang dipraktikkan di peringkat sekolah.

### ***MMI Kokurikulum***

MMI kokurikulum merujuk kepada “melindungi masa instruksional kokurikulum” (Mahamad Amran Kamsi, 2013). Masa instruksional kokurikulum merujuk kepada masa yang diperuntukkan untuk murid menjalani aktiviti kokurikulum tanpa gangguan. Masa instruksional kokurikulum dijaga apabila masa pembelajaran tersebut dikendalikan dengan betul mengikut prinsip MMI dan aktiviti kokurikulum bebas daripada gangguan aktiviti lain yang tidak berkaitan (Mahamad Amran Kamsi, 2013).

### ***Pencapaian Kokurikulum Murid***

Pencapaian merujuk kepada prestasi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Dalam kajian ini pencapaian kokurikulum murid merujuk kepada prestasi murid dalam unit beruniform, kelab persatuan dan sukan permainan. Pencapaian kokurikulum murid ini merujuk kepada prestasi PAJSK murid pada tahun 2020 kerana data ini hanya dijana sekali setahun pada bulan Disember mengambil kira data kehadiran, penyertaan, penglibatan, komitmen dan pencapaian seseorang murid dalam pertandingan luar sekolah.

### ***PKKK***

PKKK merupakan singkatan daripada “Penolong Kanan Kokurikulum”. PKKK dilantik khas daripada PPD untuk membantu PGB menguruskan kokurikulum secara khas di peringkat sekolah. Dalam kajian ini, PKKK merujuk kepada pemimpin dan pentadbir utama yang bertanggungjawab menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan unit beruniform, kelab persatuan, sukan permainan.

### ***Guru Pentadbir Kokurikulum***

Guru pentadbir kokurikulum merujuk kepada golongan guru yang memegang jawatan dalam sistem pengurusan kokurikulum. Golongan guru ini dilantik oleh PGB secara bertulis untuk menguruskan kokurikulum. Nama guru pentadbir kokurikulum dicatat pada carta organisasi pengurusan kokurikulum sekolah mengikut jawatan dan spesifikasi kerja diberikan. Antaranya seperti setiausaha kokurikulum, setiausaha sukan, penyelarar, ketua guru pemimpin dan guru penasihat setiap unit kokurikulum. Setiap jawatan mempunyai fungsi sendiri untuk menyelaraskan urusan kokurikulum.

### ***SK dan SJKC***

SK ialah singkatan daripada “Sekolah Kebangsaan”. SJKC ialah singkatan bagi “Sekolah Jenis Kebangsaan Cina”. SK dan SJKC merupakan sekolah rendah awam di Malaysia. Kurikulum di kedua-dua jenis sekolah rendah adalah sama. Perbezaannya antara dua jenis sekolah ini ialah bahasa pengantar yang digunakan. SK menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar manakala SJKC menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar (Great Jesselton, 2021). Dalam kajian ini SK dan SJKC merujuk kepada sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan di daerah Pasir Gudang sahaja.

## 1.12 Rumusan

Bab 1 ini merupakan mukadimah pernyataan tajuk kajian, latar belakang isu serta penjelasan soalan kajian. Sebagai rumusan, kajian pengurusan kokurikulum ini berfokus kepada tahap pengurusan kokurikulum, tahap melindungi masa instruksional kokurikulum serta tahap persepsi murid terhadap pengendalian kokurikulum di peringkat sekolah. Bagi penyelidik, isu dalaman yang menjana 87 peratus daripada isu pengurusan kokurikulum harus dibaiki dahulu sebelum menyumbang kepada isu yang lain. PKKK dan guru pentadbir kokurikulum merupakan pelaksana yang paling penting dalam pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah. Oleh itu, penyelidik cuba menjadikan tahap pengurusan kokurikulum PKKK dari perspektif guru pentadbir kokurikulum sebagai fokus utama.

Selain daripada rasional menjalankan kajian ini, penyelidik juga menerangkan kerangka kajian serta keperluan kajian ini dijalankan. Kajian ini dibuat berlandaskan teori Robbins dan Coulter (2012), Prinsip Pengurusan Kokurikulum KPM (2009) dan teori MMI kokurikulum Mahamad Amran Kamsi (2013). Dapatan kajian pengurusan kokurikulum yang dikenal pasti dapat memberi pendedahan kepada pihak SK dan SJKC serta pihak yang berkenaan untuk mengatur tindakan memperbaiki kelemahan pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah. Diharapkan keputusan yang didapati bernilai sebagai sumber rujukan kepada pelbagai pihak misalan bakal penyelidik yang membuat kajian dalam bidang ini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Abdul Malek (2005). *Faktor-Faktor Penghalang Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sebuah Sekolah Menengah Di Melaka*. KL: Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya.
- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman dan Zalinah Salehon (2015). *Citra Kokurikulum*. KL: UTHM.
- Aidah Abdullah (2017). *Fungsi Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Prestasi Kokurikulum Murid Di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Andang Andaiyani Ahmad dan Abd Sain Ambotang (2020). “Gaya Pembelajaran Dan Persekitaran Sekolah Serta Perkaitannya Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar”. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (Mjssh)*, 5(5), Pp. 141-148. Diperoleh daripada: <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/406/298>
- Ayob Jantan (2005). *Pengetua Sekolah Yang Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: KPM. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (4<sup>th</sup> ed.)*. Putrajaya: BPPDP. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum*, Kuala Lumpur: A.G Grafik.
- Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2019). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR 2019)*. Diperoleh daripada: <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-ppsr-2019>

- Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (18 Mac 2020). “Penangguhan Program Sukan Dan Aktiviti Kokurikulum Berikutan Penularan Jangkitan Novel Coronavirus (Covid-19)”. *SPI KPM. 600-5/5/1 Jid. 2(42)*. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (21 Oktober 2020). “Penangguhan Program / Aktiviti Sukan, Kokurikulum, Seminar, Bengkel Serta Aktiviti Lain Selain Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka”. *SPI KPM. 600-5/5/1 Jid. 2(80)*, 21 Oktober 2020. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Bolman, L. G., dan Deal, T. E. (1991). *The Jossey-Bass management series, The Jossey-Bass social and behavioral science series and The Jossey-Bass higher and adult education series. Reframing organizations: Artistry, choice, and leadership*. Jossey-Bass. Diperoleh daripada: [https://files.transtutors.com/cdn/uploadassignments/763587\\_1\\_leadership-and-organizational-behavioral.pdf](https://files.transtutors.com/cdn/uploadassignments/763587_1_leadership-and-organizational-behavioral.pdf)
- Chua Y. P. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan (3<sup>rd</sup> ed.)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Cohen, L., Manion, L. dan Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education (6<sup>th</sup> ed.)*. London dan New York: Routledge.
- Cohen, W. A. (2019). *Peter Drucker’s Way to The Top: Lesson for Reaching Your Life’s Goals*. London: LID
- Craft, S. W. (2012). *The Impact Of Extracurricular Activities On Student Achievement At The High School Level. Dissertations 543*. Diperoleh daripada: <https://aquila.usm.edu/dissertations/543>
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. UK: Pearson.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan (4<sup>th</sup> ed.)*. KL: DBP.
- Fagerland, M.W(2012). “T-Tests, Non-Parametric Tests, And Large Studies—A Paradox Of Statistical Practice?”. *BMC Med Res Methodol* 12(78). Diperoleh daripada: <https://doi.org/10.1186/1471-2288-12-78>
- Ghasemi A, Zahediasl S. (2012). Normality Tests for Statistical Analysis: A Guide for Non-Statisticians. *Int J Endocrinol Metab*. Diperoleh daripada:10(2):486-9. DOI: 10.5812/ijem.3505
- Great Jesselton (2021). “Pendidikan Di Malaysia”. *Wikipedia*. Diperoleh daripada: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pendidikan\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pendidikan_di_Malaysia)

- Haddad, Wadi D. Terri Demsky (1995). *Education Policy-Planning Process: An Applied Framework*. Paris: International Institute For Educational Planning.
- Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012). “Analisis Kepentingan-Kejayaan Pengurusan Kokurikulum”. *Management Research Journal*, 2(1), 75 – 85. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/1323>
- Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak, (2017). “Kompetensi Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid Di Sekolah Menengah”. *Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur*. Diperoleh daripada: <http://conference.ukm.my/sprin/index.php/sprin/sprin/paper/viewfile/66/26>
- Ibrahim Mohammed Sani (2007). “Strategi Menginstitusikan Program Mentoran Ke Arah Perkembangan Kerjaya Guru-Guru Novis Di Malaysia”. *Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-14*. KL: Institut Aminuddin Baki. Diperoleh daripada: [http://eprints.iab.edu.my/v2/153/1/PROSIDING\\_SN\\_14.pdf\\_6.pdf](http://eprints.iab.edu.my/v2/153/1/PROSIDING_SN_14.pdf_6.pdf)
- Ishak Sin (2006). “Memperkasakan Kepimpinan Sekolah-Teori Manakah Yang Perlu Diguna Pakai Oleh Pengetua?” *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-13*, 4-8 Disember. KL: Institut Aminuddin Baki.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Kenyataan Media Penjelasan Berkaitan Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2*. Diperoleh daripada: <http://www.moe.gov.my>
- Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. KL: KPM. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Lerchey, J.L. dan Paras, C.J. (2000) “Shaping A New Generation Of Users You Can Show Them The Policies, But You Can’t Make Them Think”, *Proceedings Of The 28th Annual Acm Siguccs Conference*.
- Mahamad Amran Kamsi (2013). “Melindungi Masa Instruksional Dalam Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah: Isu Dan Cadangan Penyelesaian”. *Melindungi Masa Instruksional (MMI): Kembali Kepada Yang Asas: Pemimpin Instruksional, Guru Mengajar Dan Murid Belajar* 76-95. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar dan Jamaliah Jalaludin (2011). “Komitmen guru-guru terhadap pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah kebangsaan negeri Johor”. *Journal of Science dan Mathematics Education*. pp. 1-11(unpublished). Diperoleh daripada: [http://eprints.utm.my/id/eprint/11902/1/Komitmen\\_Guru.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11902/1/Komitmen_Guru.pdf)
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abd Kadir dan Soaib Asimiran (2013). “Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah”. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38 (2), 1-9. Diperoleh daripada: [http://www.ukm.my/jurfpemd/JPM%2038\(2\)2013/1mohdfadli.pdf](http://www.ukm.my/jurfpemd/JPM%2038(2)2013/1mohdfadli.pdf)
- Mohd Iskandar Ibrahim (28 April 2021). “UPSR Mansuh, PT3 Dibatalkan”. *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/811621/upsr-mansuh-pt3-dibatalkan>
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norziana Ayob (2015). “Peranan Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Dari Perspektif Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Keramat”. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2), 129-138.
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Sufean Hussin (2009). *Pengurusan Perubahan Terancang Dalam Pembestarian Sekolah: Proses Pelaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nor Che Noh (1985). Beberapa Pertimbangan Dalam Pengelolaan Dan Pentadbiran Program Kokurikulum Sekolah. *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, Jilid 29.
- Mohd Nor Jaafar dan Kung T. S. (2019). *Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muhamad Sauki Razali, Mahadzir Abdul Rahman dan Abdul Halim Ismail (2013). “Memahami Isu Dan Cabaran Menguruskan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah”. *Jurnal Muaddib. Institut Pendidikan Guru Kolej Dato' Ismail Razali*. KL: Institut Aminuddin Baki.
- Muhamad Sauki Razali, Wan Shamsuddin Wan Mohd Salleh, Purusothman Vellaithan, Hajar Muhamad, Mazuin Adnan (2013). “Pendekatan Latihan Dalam Perkhidmatn (LADAP) Bagi Meningkatkan Penglibatan Guru Dalam Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah”. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki* 25(1). KL: Institut Aminuddin Baki.



- Muhd. Abd. Hadi Bunyamin (2015). “Pendidikan STEM Bersepadu: Perspektif Global, Perkembangan Semasa Di Malaysia, Dan Langkah Ke hadapan”. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains Dan Matematik Johor* 25. Diperoleh Daripada: [https://www.researchgate.net/publication/301567750\\_pendidikan\\_stem\\_bersepadu\\_perspektif\\_global\\_perkembangan\\_semasa\\_di\\_malaysia\\_dan\\_langkah\\_kehadapan](https://www.researchgate.net/publication/301567750_pendidikan_stem_bersepadu_perspektif_global_perkembangan_semasa_di_malaysia_dan_langkah_kehadapan)
- Mustafa Hashim (2004). *Pengaruh Iltizam Organisasi, Konflik Peranan dan Kesamaran Peranan Ke Atas Amalan Pengurusan Kualiti. Tesis PHD*, Universiti Sains Malaysia. Diperoleh daripada: [eprints.usm.my](http://eprints.usm.my)
- Noor Azzam Syah Mohamed dan Suria Baba (2017). “Proses Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum Yang Diamalkan Oleh Kumpulan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Harian”. *Jupidi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan, [S.L.]*, V. 3, N. 3, P. 17-43, Oct. 2017. ISSN 2289-9669. Diperoleh Daripada <https://jupidi.um.edu.my/article/view/8429>
- Noor Habibah Kaderan (2016). *Peranan Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: UKM
- Norasmah Othman dan Kamaruzaman Moidunny (2012). *Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan: Cabaran kepada Guru Besar dan Pengetua*. Diperoleh daripada <http://kamaruzamanmoidunny.blogspot.com/2012/09/kepimpinan-pendidikan-dan-pengurusan.html>.
- Norhidayati Hassan dan Muhammad Hussin (2018). “Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Daerah Mersing”. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*. Diperoleh Daripada <http://www.unisza.edu.my/medc2018>
- Nor Suhara Haji Fadzil dan Jamil Ahmad (2010). “Kepentingan Kokurikulum Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah”. *Proceedings of The 4<sup>th</sup> International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI dan UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*. Diperoleh daripada: [http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPS/2010/Book\\_1/KEPENTINGAN\\_KOKURIKULUM\\_DALAM\\_PENDIDIKAN\\_DI\\_SEKOLAH\\_MENENGAH.pdf](http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPS/2010/Book_1/KEPENTINGAN_KOKURIKULUM_DALAM_PENDIDIKAN_DI_SEKOLAH_MENENGAH.pdf)
- Nur Asmara Diana Abdullah (2011). *Kompetensi Guru Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah. Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nurul Husna Ibrahim dan Jamalullail Abd Wahab (2021). “Kepimpinan Transformasional Penolong Kanan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Efikasi Guru”. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), pp. 181 - 196. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.677>
- Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Operasi Pendidikan KPM ( 2021, Jun). Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Mingguan Secara Dalam Talian Dan Pengisian Data Dalam Sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum Bagi Tahun 2021. *SPI KPM.600-4/1/1 Jld ( )*. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- PPDBP, (2018). *Ringkasan Skpmg2:Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2*. Batu Pahat: Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang.
- Reynolds, D., dan Teddlie, C. (2000). *The Process Of School Effectiveness. The International Handbook Of School Effectiveness Research*. London: Falmer Press.
- Robbins, Stephen P. dan Coulter, Mary. (2012). *Management 11<sup>th</sup> ed*. New Jersey: Prentice Hall. Diperoleh daripada: <https://hostnezt.com/cssfiles/businessadmin/Management%20by%20Robins%2011th%20ed.pdf>
- Saedah Siraj dan Mohd Sani Ibrahim (2018). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Diperoleh Daripada <https://www.scribd.com/document/381309244/standard-kompetensi-guru-malaysia-saedah-siraj-26-mohammed-sani-ibrahim-pdf>
- Sammons, P. (1995). *Key Characteristics Of Effective School: A Review Of School Effectiveness*. London: Institute Of Education For The Office For Standards In Education.
- Scheerens, J., (1992). *Effective Schooling: Research, Theory And Practice*. London: Cassell.
- Sharifah Meriam Syed Akil (2007). *Cabaran Kepimpinan Kokurikulum*. Diperoleh daripada: <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/buku-panduan/1169-cabaran-kepimpinan-kokurikulum/file>
- Sufa’at Tumin (2013). “Melindungi Masa Instruksional Di Sekolah untuk Meningkatkan Keberhasilan Pembelajaran Murid”. *Melindungi Masa Instruksional (MMI): Kembali Kepada Yang Asas: Pemimpin Instruksional, Guru Mengajar Dan Murid Belajar*, 6(30). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Suffean Hussin (2018). *Kejayaan dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia*. KL: Penerbit University College Fairview. Diperoleh daripada: <https://conference.iium.edu.my/sfpk2018/wp-content/uploads/sites/3/2018/11/Prof-Datuk-Dr-Sufean.pdf>
- UKEssays (2018). *Theories of Perception*. Retrieved from <https://www.ukessays.com/essays/psychology/theories-perception-2618.php?vref=1>
- Uma Sekaran (2006). *Metodologi Penelitian Untuk Bisnis*. Jakarta : Salemba Empat, p. 159. <http://teorionline.wordpress.com/>
- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Laporan Tahunan 2018 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh daripada: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (17 Mac 2021). “Cadangan Pelaksanaan Aktiviti Perjumpaan Sukan dan Kokurikulum Secara Dalam Talian (Norma Baharu) Di Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2021”. *JPNJ.PBM.600-3/2/5* ( ), 17 Mac 2021.
- Wiese, D. S., dan Buckley, M. R. (1998). “The Evolution Of The Performance Appraisal Process”. *Journal Of Management History*, 4(3), 233-249. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.1108/13552529810231003>
- Yusof Boon (2019). *Asas Pengurusan Sumber Manusia*. Johor Bahru: UTM.
- Zahurul Haq Abu Bakar (2013). “Pengurusan Kokurikulum Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi”. *Tesis Sarjana*. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada: <http://eprints.utm.my/id/eprint/44625/5/ZahurulHaqAbuBakarMFP2013.pdf>
- Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud dan Saiful Azmi Mohd Nor (2016). “Pengurusan Kokurikulum Dan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Terengganu”. *Proceeding Of Icecrs*, 1. Pp. 891-900. Diperoleh daripada : <http://repo.uum.edu.my/23083/1/ICECRS%2C%201%20%282016%29%20891-900.pdf>
- Zaleha Yazid (2014). “Pengurusan Konflik Jamin Kecemerlangan Organisasi”. *Harian Metro*, 24 Ogos 2015. Diperoleh daripada :

[https://www.researchgate.net/publication/289025206\\_Pengurusan\\_Konflik\\_Jamin\\_Kecemerlangan\\_Organisasi/link/5688a25a08ae1e63f1f74712/download](https://www.researchgate.net/publication/289025206_Pengurusan_Konflik_Jamin_Kecemerlangan_Organisasi/link/5688a25a08ae1e63f1f74712/download)

Zalina Mohd Tahir (2014). *Penilaian Pelaksanaan Polisi Kokurikulum Berdasarkan Pengurusan Dan Pencapaian Kokurikulum Sekolah Menengah Di Kuala Lumpur. Tesis Sarjana*. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada: <http://eprints.utm.my/id/eprint/78097/1/ZalinaMohdTahirPPERDANA20141.pdf>

Ziham Zawawi Mazlan (2009). *Pengaplikasian Amalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa, Segamat, Johor*. Kuala Lumpur: Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik. Diperoleh daripada:

[https://www.researchgate.net/publication/325498320\\_Pengaplikasian\\_Amalan\\_Falsafah\\_Pendidikan\\_Kebangsaan\\_FPK\\_di\\_Sekolah\\_Kebangsaan\\_Kampong\\_Jawa\\_Segamat\\_Johor/link/5b1149cfa6fdcc4611da2d84/download](https://www.researchgate.net/publication/325498320_Pengaplikasian_Amalan_Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan_FPK_di_Sekolah_Kebangsaan_Kampong_Jawa_Segamat_Johor/link/5b1149cfa6fdcc4611da2d84/download)